

ETR 300  
ASAS KEUSAHAWANAN

MANAGEMENT SERVICES  
NEXT STEP MANAGEMENT SERVICES

DISEDIAKAN UNTUK :  
MISS VIJAYA

DISEDIAKAN OLEH :

AN'NISSA HANIM AZIZOOL ARIF	97141905
MOHD AZRUL RAZMAN ABDUL RAHIM	97194007
MUHAMMAD AZHAR SALLEH	97194078
SH. ZANNURAIN SY. HASHIM AL-KHRED	97254223
SITI ZAROHA NASHARUDDIN	97032050

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MELAKA

DPA 5B

SESSI JUN-NOVEMBER 1999



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 9hb. Julai 1999  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963  
**06-5591067**

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelaiar	No. ITM
1.	An Nissa Hanim Azizool Arif	97141905
2.	Mohd Azrul Razman Abdul Rahim	97194007
3.	Siti Zaroha Nasharuddin	97032050
4.	Sh. Zannurain Syed Hashim Al-Khred	97254223
5.	Muhammad Azhar Salleh	97194078

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**ROZALLI HASHIM**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Provos

## **PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Diploma Pentadbiran Awam (Semester 5)

Universiti Teknologi MARA

Melaka

Km 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka.

12 Oktober 1999

Cik Vijaya

Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)

Universiti Teknologi MARA

Melaka

Km 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

Cik

## **PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

**SESI JUN-NOVEMBER 1999**

Merujuk kepada perkara di atas, dengan ini kami mengemukakan laporan Rancangan Perniagaan kami kepada Cik Vijaya. Projek perniagaan yang kami jalankan ialah


## Next Step Management Services

Perkhidmatan Pengurusan. Semua urusan perniagaan kami bernaung di bawah syarikat perkongsian kami iaitu Next Step Management Services.

Next Step Management Services ini ditubuhkan adalah untuk memberikan perkhidmatan khususnya di dalam kerja-kerja kesetiausahaan, perakaunan dan percukaian. Perniagaan ini mempunyai masa depan yang cerah memandangkan dewasa ini ramai yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Oleh itu, permintaan terhadap perkhidmatan yang kami tawarkan sudah tentu mendapat sambutan yang menggalakkan. Rancangan Perniagaan ini merangkumi aspek memulakan perniagaan juga aspek pentadbiran, pemasaran, operasi dan kewangan.

Oleh itu, kami amat berharap agar kertas kerja ini menepati kehendak mata pelajaran ETR 300. Semoga ianya dapat dijadikan sebagai bahan sumber penyelidikan bagi usaha-usaha membuka perniagaan yang serupa dengannya.

Sekian, terima kasih.



AN'NISSA HANIM BT AZIZOOL ARIF

97141905



MOHD AZRUL RAZMAN BIN ABDUL RAHIM

97194007

## 1.0 PENGENALAN

Bidang perniagaan yang hendak kami ceburi ini adalah berkaitan dengan perniagaan yang berbentuk perkhidmatan. Perkhidmatan kami diberi nama Next Step Management Services. Perniagaan ini akan beroperasi di Lot 107, Tingkat 1, Kompleks PKNS, 40000 Shah Alam , Selangor Darul Ehsan.

Perniagaan ini didaftarkan pada 30 Oktober 2004 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2005. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat ini adalah penyediaan akaun, pengiraan cukai dan khidmat kesetiausahaan bagi pelbagai jenis perniagaan serta individu.

Perniagaan ini ditubuhkan untuk memenuhi keperluan dan kekurangan di dalam perkhidmatan pengurusan perniagaan. Di samping itu, penubuhan syarikat ini juga adalah untuk memenuhi keperluan kerajaan ke arah mewujudkan lebih banyak syarikat Bumiputera dalam bidang profesional.

Kami yakin perniagaan seperti ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada sasaran pasaran kami kerana perkhidmatan pengurusan seperti ini amat diperlukan oleh perniagaan serta individu. Sejajar dengan itu adalah menjadi harapan kami agar perkhidmatan pengurusan ini akan dapat membantu perniagaan lain melancarkan operasi perniagaan mereka. Ia juga akan memudahkan kerja bagi individu-individu tertentu.

Semoga segala usaha kami ini akan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t.

Amin.